

# Jaminan projek siap akhir bulan

BH 11 JAN 2002  
Oleh Azmi Md Deros

SLIM RIVER, Khamis - Kerajaan yakin projek yang dilaksanakan di seluruh negara melalui dua pakej ransangan ekonomi bernilai RM7.3 bilion, berjaya diselesaikan sebelum akhir bulan ini seperti ditetapkan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata unjuran berkenaan berdasarkan 90 peratus daripada projek yang dilaksanakan melalui peruntukan itu sudah disiapkan manakala setakat ini, 45 peratus daripada pembayaran keseluruhan sudah dielakkan kepada kontraktor.

Beliau berkata, semua terbabit bekerja keras bagi memastikan semua projek siap dan pemba-

Keyakinan berdasarkan 90 peratus projek melalui dua pakej ransangan ekonomi siap ikut jadual

yan dibuat menjelang 31 Jan ini, termasuk meminda beberapa prosedur dan peraturan perkhidmatan awam bagi memastikan semua projek berjalan lancar.

"Kita tidak mahu biokrasia itu melewatkan pelaksanaan projek. Kita cuba pendekkan prosedur tetapi yang lebih penting keazaman penjawat awam untuk menjayakannya," kepada beliau selepas melawat beberapa projek yang dilaksanakan melalui pakej ransangan di daerah Batang Padang di sini, hari ini.

Sementara itu, katanya, permohonan lanjutan sehingga 15 Februari oleh kerajaan Perak bagi menyalapkan projek itu tidak perlu kerana setakat ini, 95 peratus daripada 2,116 projek membabitkan peruntukan RM71 juta di Perak berjaya disiapkan.

Kerajaan negeri juga menerima 72 peratus daripada keseluruhan peruntukan berkenaan sehingga 8 Januari lalu.

Akhbar kelmarin melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan

hanya 50 peratus daripada peruntukan melalui dua pakej ransangan khas itu sudah dibelanjakan.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, hanya 87 peratus daripada belanjawan pembangunan kerajaan yang bernilai RM28.84 bilion tahun lalu, digunakan berikutan pelbagai masafah, termasuk kesukaran menegenaf pasti projek dan kerenah birokrasi.

Pada September tahun lalu, kerajaan mengumumkan peruntukan ransangan RM4.3 bilion untuk dელანjatkan segera sebagai persediaan mengurangkan kesan yang dialami negara ini berikutan kelembapan ekonomi dunia.

Melalui peruntukan itu, kerajaan mengenal pasti projek kecil di luar bandar, termasuk menaik ta-

raf jalan dan bangunan di kampung.

Samsudin berkata, kerajaan juga akan mengamalkan kaedah pembayaran mengikut perkembangan kerja yang lebih baik bagi memastikan kontraktor mendapat bayaran lebih

cepat selepas menyiapkan kerja mengikut tahap tertentu.

Ditanya sama ada kelewatan melaksanakan projek mungkin berpunca daripada kerenah birokrasi, Samsudin berkata, antara masalah itu disebabkan si-

kap pegawai kerajaan.

"Sebenarnya tidak ada masalah berkaitan kerenah birokrasi kerana ia diwujudkan bagi tujuan ketelusan pengurusan kewangan kerajaan. Mungkin sikap sesetengah pegawai boleh diperbaiki," katanya.